

10/08/1999

Ning prihatin terhadap pesakit

Mokhtar Alias

LAGU Spirit Of Life yang julung kali disampaikan secara langsung oleh Ning Baizura (gambar) di Suria KLCC, malam kelmarin, menceritakan kisah orang yang hidup bersama pesakit HIV dan Aids.

"Kita mencipta lagu ini khusus untuk mereka yang menunjukkan galakan, kekuatan dan memutuskan untuk berdepan dengan wabak ini," kata pencipta bersama lagu itu, Rizal Kamaruzzaman.

Dia mencipta lagu itu bersama penggubah Azlan Abu Hassan. Lagu ini dimuatkan dalam album Spirit Of Life terbitan Azlan dan Rizal pula menjadi penerbit eksekutif.

Rizal berbangga kerana Ning dapat menyampaikan lagu itu dengan penuh kekuatan diri dan semangat yang tinggi.

Malah, gabungan Liza dan Azlina Aziz yang menyampaikan lagu Pengorbanan bersama Innuendo dengan Selamanya serta Sam (Innuendo) menerusi I Will Be There memantapkan lagu album ini.

Sebab itulah, dia yakin, lagu itu akan mendapat sambutan menggalakan daripada orang ramai.

Bagi Ning pula, dia berbangga kerana dapat menyumbangkan suaranya untuk membantu projek amal yang mahu membantu pesakit Aids dan HIV.

Dia menganggap pemilihan itu sebagai suatu penghormatan yang tidak seharusnya ditolak.

Semua artis yang terbabit dalam album ini membuat persembahan pada majlis pelancaran yang dilakukan wakil Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir. Turut hadir Pengerusi Eksekutif Help Institute, Dr Paul Chan Tuck Hoong.

Album ini yang sudahpun berada di pasaran ini diusahakan oleh Help Institute Sdn Bhd untuk membantu pesakit Aids dan HIV.

Cakera padat dijual dengan harga RM29 dan kaset RM15. Sebanyak RM10 daripada jualan cakera padat dan RM5 daripada kaset akan disumbangkan kepada Yayasan Aids Malaysia.

Buat permulaan, Help Institute menyumbang RM50,000 kepada yayasan itu.

Spirit Of Life turut dipilih sebagai lagu tema Kongres Aids Asia Pasifik Kelima di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, mulai 23 hingga 27 Oktober ini.

(END)